

PANGKALAN DATA BLIS

(Bernama Library and Infolink Service)

Pra penyelidik dan masyarakat akademik UiTM di seluruh kampus boleh menggunakan perkhidmatan pangkalan data dalam talian BLIS. Pangkalan data BLIS terbitan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia, BERNAMA membolehkan setiap pengguna mengakses kepada laporan berita Malaysia, keratan akhbar, kalender peristiwa, perangkaan, ucapan, personaliti, direktori, laporan sector dan fakta khas. Akses kepada pangkalan data ini tidak terhad kepada jaringan kampus UiTM sahaja, ianya membenarkan pengaksesan dari luar kampus juga iaitu secara remote access.

Dengan melanggan kepada BLIS ini, diharapkan ianya dapat memberi manfaat kepada penyelidik dan masyarakat UiTM keseluruhannya.

Apa itu BLIS ?

BLIS merupakan perkhidmatan daripada Pertubuhan Berita Nasional Malaysia, BERNAMA, pembekal utama perkhidmatan berita dan maklumat di Malaysia.

Pangkalan data BLIS dikumpulkan daripada sumber-sumber termasuklah BERNAMA, agensi-agensi kerajaan, pusat penyelidikan dan NGO.

Siapa perlu menggunakan BLIS?

- Penganalisa perniagaan

- Penyelidik
- Pustakawan
- Pelajar & Penyarah
- Editor dan pemberita
- Profesional Pengiklanan dan acara media

- Perangkaan perbelanjaan pengguna
- Peluang-peluang pelaburan
- Pengumuman polisi ekonomi kerajaan
- Dan lain-lain lagi

Keistimewaan BLIS

Liputan harian termasuklah:


- Berita Am
- Cadangan dan polisi kerajaan
- Berita-berita 'Human-interest'
- Acara-acara nasional, bencana alam, kejayaan
- Berita-berita komuniti
- Jenayah dan Mahkamah
- Hal-Ehwal Luar Negara
- Berita-berita politik, parti politik dan ahli politik
- Berita sukan, pertandingan, isu-isu sukan dan sukan negeri
- Teknologi

Berita ekonomi, perniagaan, kewangan, korporat dan komoditi

- Laporan pertukaran wang asing dan matawang
- Pasaran wang, kadar jangka pendek dan kadar antara bank-bank tempatan dan antarabangsa
- Harga saham Amanah Saham
- Harga-harga komoditi negeri
- Pasaran hadapan KLCI
- Pergerakan saham badan-badan utama
- Inisiatif perniagaan korporat dan kerajaan

Bagaimana Mengakses BLIS ?

PTAR menyediakan 2 kaedah untuk mengakses BLIS iaitu secara terus menggunakan url BLIS atau melalui laman web PTAR.

- i. Akses terus
Alamat url: <http://blis.bernama.com>
- ii. Akses melalui Laman web PTAR



BLIS dilanggan oleh PTAR untuk kemudahan semua pengguna yang benar-benar memerlukan maklumat mengenai Malaysia bagi keperluan pembelajaran dan pengajaran.

Untuk mendapatkan bantuan lanjut mengenai pencarian bagi pangkalan data ini, dapatkan khidmat rundingan dari Pustakawan di Bahagian Perkhidmatan Maklumat, PTAR. Sebarang komen dan maklumbalas mengenai pangkalan data ini juga dialu-alukan.

